

LAMPIRAN I

MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR
JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada Rakyat Negeri Selangor yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

TARIKH IKLAN : 25 SEPTEMBER 2025

TARIKH TUTUP IKLAN: 08 OKTOBER 2025

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1.	Penolong Jurutera	JA5	Kontrak	1

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman sesawang
Majlis Perbandaran hulu Selangor

JAWATAN 1 : PENOLONG JURUTERA GRED JA5

- 1. KUMPULAN** : PELAKSANA
- 2. KLASIFIKASI** : KEJURUTERAAN
- 3. JADUAL GAJI** : Gaji Minimum Gaji Maksimum
 RM 1,650.00 RM 6,620.00
 : Kadar Kenaikan Gaji Tahunan RM 145.00
- 4. TARAF JAWATAN** : Tetap/Kontrak
- 5. SYARAT LANTIKAN** :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED JA5

- (b) (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00);

atau

(ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN SPM MENGIKUT SISTEM TERBUKA UNTUK LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

Calon-calon yang menduduki dan memiliki ***Sijil SPM mengikut Sistem Terbuka*** boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan yang mensyaratkan kelayakan demikian sebagai syarat lantikan. Bagi menentukan tahap kelulusan tersebut setaraf dengan kelulusan sijil Penuh SPM, iaitu sijil yang dikeluarkan sebelum pelaksanaan peperiksaan mengikut Sistem Terbuka, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:-

- (a) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus dalam satu peperiksaan; ***ATAU***
- (b) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat kepujian dan selebihnya peringkat lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut;

DAN

- (c) Memenuhi syarat Bahasa Melayu samada Kepujian atau Lulus dan subjek-subjek tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud ke jawatan-jawatan yang disyaratkan kelulusan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah dibuat secara **ONLINE** iaitu melalui laman sesawang internet : www.mphs.gov.my.
- b) Salinan dokumen ini diperlukan sekiranya permohonan tuan/puan layak dipanggil untuk menghadiri temuduga. (Salinan yang telah **DISAHKAN** dari salinan asal).
 - i) Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran.
 - ii) Salinan Sijil-Sijil Persekolahan.
 - iii) Salinan Kelulusan Akademik (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil / diploma / ijazah dari IPTS dan luar negara – (jika yang berkenaan).
 - iv) Transkrip keputusan peperiksaan semua semester – (jika yang berkenaan).
- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan bersama salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini.

CATATAN AM

- a) Permohonan yang lewat diterima akan **DITOLAK**.
- b) Hanya calon-calon **yang layak selepas tapisan sahaja** akan **dipanggil temuduga**.
- c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan** dari **tarikh tutup iklan** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- d) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 3 bulan** dari **tarikh temuduga iklan** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.